

07/11/1998

25 ahli Umno akan terus diawasi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dua puluh lima ahli Umno yang didakwa terbabit dalam gerakan antikerajaan dan parti serta sudah memberi jawapan tunjuk sebab kenapa tidak boleh dikenakan tindakan, akan diminta memberi penjelasan lanjut kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat malam ini, juga memutuskan supaya pergerakan ahli terbabit diawasi.

"Kita pertimbangkan supaya mereka ditemuduga. Pihak pengurusan akan berjumpa dengan mereka untuk dapat penjelasan bagi mereka yang telah jawab dan pergerakan mereka akan terus diawasi.

"Keputusan diambil bukan kerana MT tidak berpuas hati dengan jawapan mereka. Ada yang berkata bahawa mereka masih patuh dan setia kepada parti dan kita kena ambil kira semua itu," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat lebih tiga jam itu, malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin diminta mengemukakan hasil temuduga itu dalam mesyuarat MT akan datang.

Dua puluh lima ahli terbabit, termasuk bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, adalah antara 33 anggota parti yang diberi surat tunjuk sebab kenapa tidak boleh dipecat kerana didakwa terbabit dalam kegiatan antikerajaan dan parti.

Lapan lagi anggota yang dikenakan surat tunjuk sebab itu belum menjawab atau membuat rayuan kerana mereka mendakwa tidak menerima surat tunjuk sebab itu daripada ibu pejabat parti.

Sementara itu, MT turut melantik Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada 2 September lalu.

Dalam mesyuarat itu, Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein juga mengangkat sumpah sebagai Pemangku Ketua pergerakan itu dan dilantik sebagai anggota baru MT. Kerusi itu kosong selepas Ahmad Zahid meletak jawatan berkenaan pada 2 Oktober lalu.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu turut menyentuh soal fitnah yang dilemparkan terhadap Umno serta tokoh dalam parti oleh pihak tertentu.

"Kita bercadang untuk mematahkan fitnah itu," katanya sambil menjelaskan antaranya dengan meminta kerjasama media tempatan.

Ketika ditanya sama ada Umno akan dituduh sebagai menggunakan media tempatan, Dr Mahathir berkata: "Kalau `press' (akhbar) nak benar dirinya diguna oleh pihak yang melawan Umno, bagilah `balance' sikit supaya dia juga boleh diguna oleh Umno."

Beliau berkata media antarabangsa sudah menetapkan pendirian mereka sebagai anti-Umno dan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.

(END)